

Nahas Perjalanan Ke Tempat Kerja Meningkat

Published on: Feb 16, 2013 @ 2:24

Nahas perjalanan ke tempat kerja meningkat

MELAKA 14 Feb. - Kes kemalangan ketika perjalanan pergi atau pulang dari tempat kerja (commuting accidents) di negara ini meningkat sebanyak 44.6 peratus dalam tempoh enam tahun lalu iaitu dari 17,704 pada 2006 kepada 25,616 tahun lalu.

Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), Tan Sri Lee Lam Thye berkata, peningkatan kemalangan itu berpunca daripada kurangnya tahap kesedaran terhadap pemanduan selamat di kalangan pengguna jalan raya.

Menurutnya, peningkatan itu juga disebabkan kurangnya elemen keselamatan dalam sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

"Berdasarkan statistik dikeluarkan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso), jumlah kes commuting accidents meningkat setiap tahun bermula pada 2006 sebanyak 17,704, seterusnya sebanyak 17,682 (2007), 19,041 (2008) dan 20,810 pada 2009.

"Pada 2010 pula mencatatkan sebanyak 22,036 kes diikuti 24,089 kes pada 2011 dan tahun lalu sebanyak 25,616," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang

akbar sempena pelancaran Program Kesedaran Kemalangan Industri dan Commuting Accidents serta Perasmian Pejabat Baharu NIOSH Wilayah Selatan di Kompleks Yayasan Belia Sedunia, Ayer Keroh, di sini hari ini.

Yang turut hadir Setiausaha Eksekutif NIOSH, Ayop Salleh; Pengurus NIOSH Wilayah Selatan, Khairunnizam Mustapha dan Pengarah Perkeso negeri, V. Mohanadas.

Lam Thye berkata, beliau berharap agar pihak majikan dapat bertanggungjawab terhadap kes kemalangan membabitkan pekerja mereka ketika dalam perjalanan pergi atau pulang dari tempat kerja.

"Majikan boleh menyumbang ke arah mengubah sikap dan cara memandu pekerja mereka dari segi pendedahan terhadap aspek keselamatan yang mencukupi selain kemudahan keselamatan serta peralatan yang mengikut piawaian," ujarnya.

Sementara itu tambah beliau, jumlah kes kemalangan industri bagaimanapun mencatatkan penurunan dari 35,088 kes pada 2011 kepada 34,974 kes tahun lalu.



LEE Lam Thye (kanan) menunjukkan cara pemakaian topi keledar yang betul pada majlis pelancaran Program Keselamatan Industri di Ayer Keroh, Melaka, semalam.